

Tiga Angkat Sumpah Sebagai Senator
Bernamea
22 Ogos 2011

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Parti Progresif Penduduk (PPP) Melaka Datuk Chiu Tiang Chai, Pengerusi MIC Petaling Jaya Selatan Subramaniam Veruthasalam dan Ketua Wanita MIC Selangor S.Bagiam mengangkat sumpah sebagai Senator di Dewan Negara pada Isnin.

Upacara itu disempurnakan di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Chiu, 54, yang juga Naib Pengerusi Barisan Nasional (BN) Melaka, dilantik semula selepas penggal pertamanya berakhir pada 2008.

Subramaniam, 56, dan Bagiam, 52, pula dilantik sebagai Senator buat pertama kali.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609535>